

10/01/1998

Pusat, Kelantan atasi projek tergendala

BANGI, Jumaat - Kerajaan Pusat dan Kerajaan Kelantan bersetuju mewujudkan satu jawatankuasa yang bertanggungjawab menyelesaikan beberapa masalah pembangunan yang tergendala di negeri itu.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diberitahu mengenai perkara itu sudah memberikan persetujuan pembentukan jawatankuasa berkenaan.

Beliau berkata, penubuhan jawatankuasa ini adalah sesuatu yang baik untuk kesejahteraan rakyat di Kelantan.

"Saya berharap penubuhan jawatankuasa ini akan mempercepatkan program pembangunan yang tergendala di samping memperbanyakkan lagi projek pembangunan dilaksanakan di Kelantan," katanya kepada pemberita selepas melawat Institut Kemajuan Desa (INFRA) di sini, hari ini.

Menurut Annuar, pembentukan jawatankuasa itu adalah susulan pertemuan beliau dengan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Abdul Halim Abdul Rahman yang mengunjunginya, baru-baru ini.

"Halim menyatakan kesulitan Kerajaan Kelantan melaksanakan beberapa projek pembangunan di negeri itu dan bagi mengatasinya kerajaan negeri perlu bantuan Kerajaan Pusat.

"Dasar Kerajaan Pusat adalah jelas. Kita mahu melihat pembangunan rakyat diberi keutamaan walaupun ditadbir pembangkang," katanya.

Annuar berkata, beliau turut memaklumkan beberapa masalah yang dihadapi Kerajaan Pusat kepada Halim seperti geran tanah yang diragui kesahihannya oleh kerajaan negeri sehingga membantutkan beberapa projek pembangunan yang sudah dirancang.

(END)